



KENYATAAN AKHBAR
TIMBALAN KETUA PENGARAH KESIHATAN (KESIHATAN AWAM)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
Bagi Minggu 2/2014 (5 - 12 Januari 2014)

Pada minggu kedua tahun 2014 bagi tempoh 5 hingga 12 Januari, sejumlah **1,946 kes** Demam denggi telah dilaporkan di seluruh negara, **meningkat sebanyak 907 kes (87.3%)** berbanding dengan 1,039 kes yang dicatatkan pada minggu sebelumnya. Kes dilaporkan meningkat di ke semua negeri.

Pada minggu kedua tahun ini, kes yang dilaporkan telah menunjukkan peningkatan. Keadaan ini perlu dipandang serius oleh semua pihak terutama masyarakat bagi mencegah peningkatan kes ini terus berlaku. Langkah pencegahan melalui menghapuskan tempat pembiakan Aedes dengan meluangkan masa hanya 10 minit seminggu untuk memeriksa dan menghapuskan tempat pembiakan Aedes hendaklah dipraktikkan oleh masyarakat di sekitar kawasan kediaman mereka.

Dalam tempoh yang sama terdapat dua (2) kes kematian yang dilaporkan berlaku di Perak menjadikan kumulatif kematian kes denggi sehingga kini tahun ini adalah seramai 6 kematian, berbanding hanya 2 kematian bagi tempoh yang sama tahun 2013 iaitu meningkat sebanyak 4 kematian (200%).

Kes kematian melibatkan dua (2) orang wanita surirumah berumur 54 tahun dan 27 tahun yang berasal dari Perak. Pesakit mengadu mengalami demam, sakit kepala, sakit badan, sakit otot, sakit sendi dan muntah dan mendapat rawatan. Pesakit kemudiannya dimasukkan ke wad dan seterusnya dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) setelah keadaan pesakit semakin kritikal. Kedua-dua pesakit bagaimanapun meninggal dunia setelah mengalami komplikasi *Severe Dengue*. Kawasan tempat kediaman pesakit adalah bukan kawasan wabak dan pejabat kesihatan daerah terlibat telah menjalankan aktiviti pencegahan dan kawalan di kawasan tersebut. Penduduk di kawasan ini diminta agar mempertingkatkan tahap kebersihan di mana takungan air dan tempat-tempat yang berpotensi untuk pembiakan Aedes perlu dihapuskan atau masukkan bahan pembunuh jentik-jentik supaya tiada lagi berlaku jangkitan kes denggi. Cuaca yang tidak menentu pada masa sekarang iaitu seringkali hujan boleh meningkatkan lagi kadar pembiakan Aedes jika takungan-takungan air ini dibiarkan tanpa diperiksa dan menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes.

Sejumlah 685 lokaliti wabak denggi dipantau di seluruh negara. Wabak dilaporkan berlaku di 11 negeri iaitu 480 kawasan di Selangor, 62 di WP Kuala Lumpur & Putrajaya, 45 di Negeri Sembilan, 42 di Johor, 29 di Perak, lapan (8) di Pulau Pinang, lapan (8) Melaka, enam (6) Sarawak, dua (2) Sabah dan masing-masing satu di Kedah dan Kelantan. Daripada jumlah ini sejumlah **125 lokaliti hotspot** dilaporkan berlaku di negeri Selangor, Negeri Sembilan dan Perak yang melibatkan lima (5) daerah iaitu 71 lokaliti di Daerah Petaling, 41 lokaliti di Daerah Hulu Langat, 8 lokaliti di Daerah Gombak, 3 lokaliti di Seremban dan 2 lokaliti di Daerah Kinta.

KKM dalam usaha memerangi Demam Denggi akan mempergiatkan aktiviti penguatkuasaan dan aktiviti penguatkuasaan serentak di seluruh negara akan diadakan pada 21 Januari 2014. KKM juga akan terus mempergiatkan penubuhan projek COMBI di komuniti. Sehingga kini terdapat sejumlah 2,664 projek COMBI yang telah dilaksanakan di seluruh Negara dengan penglibatan sukarelawan COMBI seramai 53,633 orang. KKM mengalukan penglibatan seluruh ahli komuniti dalam masyarakat kerana perlu diingatkan bahawa usaha utama dalam pencegahan dan pengawalan penularan demam denggi adalah dengan memusnahkan tempat-tempat berpotensi pembiakan nyamuk Aedes terutamanya di kawasan sekitar kediaman, premis-premis persendirian dan juga tempat kerja masing-masing. Dari pemerhatian KKM, COMBI yang aktif berjaya mengelak berlakunya hotspot denggi di kawasan mereka.

DATUK DR LOKMAN HAKIM BIN SULAIMAN

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

Kementerian Kesihatan Malaysia

13 Januari 2014

Lampiran A

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 2/2014
(5 hingga 12 Januari 2014)**

Bil	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah kes Denggi dari Januari sehingga 12 Januari 2014	Jumlah kes Denggi dari Januari sehingga 12 Januari 2013
		Minggu 2 (5 – 12 Januari 2014)	Minggu 1 (29 Disember – 4 Januari 2014)		
1	Perlis	6	1	7	5
2	Kedah	25	9 (1)	34 (1)	38
3	P. Pinang	41	57	98	34
4	Perak	249 (2)	32	281 (2)	67
5	Selangor	903	640 (1)	1,543 (1)	470 (1)
6	WPKL & Putrajaya	244	75	319	56
7	N. Sembilan	100	31 (1)	131 (1)	21
8	Melaka	67	36	103	17
9	Johor	169	60 (1)	229 (1)	104 (1)
10	Pahang	14	8	22	30
11	Terengganu	33	32	65	10
12	Kelantan	34	6	40	50
13	Sarawak	31	23	54	83
14	Sabah	30	29	59	50
15	WP Labuan	0	0	0	0
	Malaysia	1,946 (2)	1,039 (4)	2,985 (6)	1,035 (2)

Nota: () Kematian

* Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

**SENARAI LOKALITI "HOT SPOT"
SEHINGGA MINGGU 2 (13 NOVEMBER 2013)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Petaling	PJS 8 Mentari Court 1 (Blok A, B, C,D)	136	209
2	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Flat A (Blok 1-Blok 12 & Blok 38 - Blok 43)	194	188
3	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Flat B (Blok 13 - Blok 37)	101	167
4	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 8/1-15 Seksyen 8 Bandar Baru Bangi	39	124
5	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 7/3 Seksyen 7 Bandar Baru Bangi	38	112
6	SELANGOR	Petaling	Pusat Bandar Puchong 5 (Sri Jati)	28	109
7	SELANGOR	Petaling	PJS 9 Lagoon Perdana	70	109
8	SELANGOR	Petaling	Seksyen 3 Uitm Shah Alam Kolej Jati	42	108
9	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7E B Pusat Komersial (Jalan AA7/AA & AC7/AC & Jalan U7/U - Z7/Z)	36	107
10	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Nirwana 1-17 Taman Nirwana	30	107
11	SELANGOR	Petaling	SS 19/1 Subang Jaya	34	105
12	SELANGOR	Petaling	PJS 10 Kondo Ridzuan	49	104
13	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Delima Taman Pinggiran Delima	26	104
14	SELANGOR	Petaling	Seksyen 27 Apartment Ixora	62	103
15	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 Pangsapuri Subang Suria	23	102
16	SELANGOR	Petaling	Bandar Bukit Puchong 1 (Flat Bandar Bukit Puchong)	20	102

17	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Teres B Zon C (Jalan 7/31 - 7/35)	100	100
18	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan TPS 3 Taman Pelangi Semenyih	96	100
19	SELANGOR	Petaling	SS 3 (Taman Universiti)	31	98
20	SELANGOR	Petaling	PJS 6 Flat Desa Mentari 2 (Blok 4, 5 , 6)	23	96
21	SELANGOR	Petaling	Seksyen 8 Teres B2 (Jalan 8/14 - Jalan 8/28)	73	94
22	SELANGOR	Petaling	PJU 10 Apartment Idaman 2 (Blok E,F,G,O,P,Q,R,S)	28	91
23	SELANGOR	Hulu Langat	Apartment Sri Tanjung Seksyen 7 Bandar Baru Bangi	13	89
24	SELANGOR	Petaling	PJU 5 Seksyen 6	52	88
25	SELANGOR	Gombak	Apartment Casmaria	30	86
26	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Taming Impian	38	85
27	SELANGOR	Petaling	PJS 5 Flat Desa Ria	43	82
28	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Kondominium Kristal Height	18	79
29	SELANGOR	Petaling	PJS 10 Taman Sri Subang	21	74
30	SELANGOR	Petaling	PJS 10 Taman Dato Hormat	17	73
31	SELANGOR	Petaling	PJU 5 Seksyen 4 Gugusan Semarak	16	72
32	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Cheras Utama	19	72
33	SELANGOR	Petaling	Taman Lestari Putra 4	20	67
34	SELANGOR	Petaling	Seksyen 18 Teres D	19	67
35	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Sungai Jelok	28	67
36	SELANGOR	Petaling	SS 9A 2 (JLN 9A/1,2,4,13,14,15,16,18 ,19)	11	65

37	SELANGOR	Petaling	Pusat Bandar Puchong (Jalan Wawasan 2)	14	65
38	SELANGOR	Petaling	Seri Kembangan (The Heritage)	36	62
39	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 Pangsapuri Kristal	28	62
40	N. SEMBILAN	Seremban	Vision Homes	11	61
41	SELANGOR	Petaling	Seksyen 16 Kwarters Suk	21	61
42	SELANGOR	Hulu Langat	Lorong Dato Mufti 1-6 Kampung Dato Mufti	9	61
43	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Prima Saujana Kajang	16	61
44	SELANGOR	Petaling	Bandar Bukit Puchong 3	18	60
45	SELANGOR	Petaling	Seksyen 18 (UITM-Kolej Cemara)	25	59
46	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan TPS 2 Taman Pelang Semenyih	11	59
47	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Baiduri Taman Desa Baiduri	9	58
48	SELANGOR	Petaling	Seksyen 24 Flat PKNS A (Blok 1 - 9)	37	57
49	SELANGOR	Gombak	Taman Bukit Rawang Jaya	7	55
50	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Dagang 2/1-2/7 Taman Dagang	9	55
51	SELANGOR	Petaling	SS 19/6	31	52
52	SELANGOR	Petaling	Seksyen U2 (Pangsapuri Jaya)	42	52
53	SELANGOR	Hulu Langat	Chancellor Kondominium Taman Kosas	14	52
54	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 3/29-33 Seksyen 3 Bandar Baru Bangi	20	52
55	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Mesra Kajang	23	52
56	SELANGOR	Petaling	Taman Puchong Utama 8	8	51
57	N. SEMBILAN	Seremban	Taman Pinggiran Senawang	19	50

58	SELANGOR	Petaling	Seksyen 24 Teres B	9	50
59	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 3/13-22 Seksyen 3 Bandar Baru Bangi	64	50
60	SELANGOR	Hulu Langat	Kampung Baru Semenyih	13	50
61	SELANGOR	Petaling	Taman Pinggiran Putra 39 (Putra Impian)	8	49
62	SELANGOR	Petaling	Taman Dato Harun	18	48
63	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Maju 1 Taman Lembah Maju	7	48
64	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 3/7-12 Seksyen 3 Bandar Baru Bangi	14	48
65	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 4/7 Seksyen 4 Bandar Baru Bangi	22	48
66	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Puncak 3 Taman Puncak Saujana	15	48
67	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 Pangsapuri Baiduri	11	47
68	SELANGOR	Petaling	Seksyen U16 Teres N Denai Alam	14	47
69	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 1/7-1/19 Pandan Indah	11	47
70	SELANGOR	Petaling	Seksyen U1 Kuarters Pendidikan Politeknik	17	46
71	SELANGOR	Gombak	Bandar Baru Selayang Fasa 1 (Zon 1)	17	46
72	SELANGOR	Hulu Langat	Apartment Vista Bandar Sri Putra	10	46
73	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Seri Intan	13	46
74	SELANGOR	Petaling	Seksyen 24 Teres C (Jalan 24/8 - 24/12)	7	45
75	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 7/5 Seksyen 7 Bandar Baru Bangi	11	45
76	SELANGOR	Petaling	Seksyen U10 Aalam Budiman (Jalan Pulau Lumut)	21	44
77	SELANGOR	Petaling	Seksyen U16 Denai Alam Teres M	22	44
78	SELANGOR	Petaling	Seksyen U3 Apartment Daisy B (Blok 3 - 8)	6	44

79	SELANGOR	Petaling	Taman Sri Serdang 2 (18/8 - 18/28)	6	42
80	SELANGOR	Petaling	Batu 14 Kampung Baru Puchong	10	42
81	SELANGOR	Petaling	SS 9	17	42
82	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 4/11 Seksyen 4 Bandar Baru Bangi	17	42
83	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 1 Bandar Rinching	24	42
84	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan TKP 1-14 Taman Kantan Permai	15	41
85	SELANGOR	Petaling	SS 14/1	6	40
86	SELANGOR	Petaling	SS 15/5	6	40
87	SELANGOR	Petaling	Taman Kinrara 3 (Vista Lavender)	11	40
88	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 Subang Bestari E	7	40
89	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Wawasan 1/1-1/10 Bandar Baru Ampang	8	40
90	SELANGOR	Petaling	Seksyen U20 Bandar Baru Sg Buluh Fasa 1A (Jalan 1A , Jalan Industri & Kedai)	17	39
91	SELANGOR	Petaling	Seksyen 2 UITM Shah.Alam Kolej Meranti	9	39
92	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Teres D Zon D (Jalan 7/72 - 7/89)	19	39
93	SELANGOR	Gombak	Taman Jasa	12	39
94	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 3/63-66 Bandar Baru Bangi	10	39
95	SELANGOR	Petaling	Taman Puchong Perdana (Jalan Mawar)	7	38
96	SELANGOR	Hulu Langat	Kuarters Penjara Kajang	15	38
97	SELANGOR	Petaling	Pusat bandar Puchong (Jalan Wawasan 3)	9	37
98	SELANGOR	Petaling	SS 2 (Selatan)	8	37

99	SELANGOR	Gombak	Bandar Tasik Putril GV 1 (Zon 2)	14	37
100	SELANGOR	Hulu Langat	Kampung Pinggiran Lembah Jaya	4	37
101	SELANGOR	Petaling	Taman Equine (Apartment Putra Permai)	7	36
102	SELANGOR	Petaling	Seksyen 20 Kuarters Polis (Blok 5 - Blok 12)	13	36
103	SELANGOR	Petaling	PJU 10 Apartment Idaman 1 (Blok A,B,C,H,J,K,L,M,N)	7	36
104	PERAK	Kinta	Kampung Baru Simpang Pulai	7	36
105	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Damai Impian 2 Taman Daman Impian 2	5	36
106	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 2 Bandar Rinching	21	36
107	SELANGOR	Petaling	Seksyen 11 (Teres A)	6	34
108	SELANGOR	Petaling	SS 3	8	34
109	PERAK	Kinta	Taman Bersatu	14	34
110	SELANGOR	Gombak	Selayang Baru 8	14	34
111	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Mewah 2 Pandan Mewah	6	34
112	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 3/3 Seksyen 3 Bandar Baru Bangi	6	34
113	SELANGOR	Petaling	Seksyen 27 Flat D	6	33
114	SELANGOR	Gombak	Flat Pinggiran Batu Caves Zon 2	10	33
115	SELANGOR	Hulu Langat	Kem PGA Batu 7 Cheras	9	33
116	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan BM 9 Taman Bukit Mewah	8	33
117	N. SEMBILAN	Seremban	Taman Desa Kolej	7	32
118	SELANGOR	Petaling	Seksyen 1 UITM Shah Alam Kolej Melati	4	32
119	SELANGOR	Petaling	SS 22	12	32

120	SELANGOR	Petaling	SS 9A 1 (JLN 9A/3,5,6,7,8,9,10,11,12, 17,20)	14	32
121	SELANGOR	Gombak	OC 8	7	32
122	SELANGOR	Petaling	Putra Height 9 (Pangsapuri Seri Mutiara)	10	31
123	SELANGOR	Petaling	Seksyen 13 (Apartment Perdana)	6	31
124	SELANGOR	Petaling	Bandar Kinrara 2	8	31
125	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Indah 12-15 Taman Cheras Indah	8	31